

10.6.1981.

Pemborong Semua pegawai diarah bantu

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Selasa — Segala jentera dan pegawai Kerajaan telah diarah menolong pemborong Bumiputera mengatasi kekurangan pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan serta membantu mereka mengatasi masalah-masalah lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan sedar dari segi kecekapan dan daya mengurus, Bumiputera masih menghadapi masalah kerana mereka baru sahaja masuk ke bidang ini.

Belliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berucap merasmikan Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI) di Bukit Bintang Plaza, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, menjadi pemborong bukan semata-mata menyambut seruan Kerajaan atau mencebur diri dalam bidang tersebut malahan lanya lebih luas dari itu.

"Kalau nak jadi

pemborong, bukan minat sahaja yang diperlukan tetapi kesediaan menyerap pengetahuan, kesanggupan mengadakan perhubungan dengan pegawai dan orang-orang berkaitan, bekerja sepenuh masa untuk mengetahui apa yang sedang berlaku dan apa yang perlu dibuat," tegasnya lagi.

Pemborong ataupun bakal pemborong hendaklah sedar bahawa bidang yang mereka masuki penuh dengan cabaran, dan cuma mereka yang bersedia sahaja akan berjaya.

"Kerajaan tidak menyuruh mereka bunuh diri," tegasnya. Ini kerana kerja pemborongan bukannya mudah, yang boleh membawa kejayaan semata-mata dengan menyertainya.

Pemborong juga harus sedar bahawa kerja itu bukanlah semudah menadah tangan untuk mendapatkan wang yang jatuh bertaburan.

Kerja pemborong memang kerja yang susah, yang penuh dengan masalah dan liku-liku yang tidak semena-mena wujud.

"Seribu satu perkara mesti diketahui dan diatasi dalam jangkamasa yang tidak mengizinkan sikap sambli lewa," katanya.

Belliau yakin mereka boleh berbuat demikian sekiranya mereka sedar tentang apa yang dikehendaki selain dari merebut peluang dan menyambut seruan Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia